

0827

P 0074 DEE
MAHATHIR
(1)

KUALA LUMPUR, 3 SEPT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGHARUKAN PARA HADIRIN DI UPACARA MENGIBAR BENDERA LUMBA JALANKAKI ANGKATAN TENTERA DI SINI HARI INI APABILA BELIAU MEMBERI PENGHORMATAN KEPADA SEORANG KORPORAL MERASMIKAN UPACARA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN, BARU SAJA HENDAK MELAKUKAN UPACARA ITU DI PADANG MERBUK DI SINI APABILA BELIAU TERNAMPAK KPL. SIRAT BIN TAMBI DUDUK ATAS KERUSI RODANYA DI CELAH-CELAH PENONTON LAIN.

KPL. SIRAT DARI BATALION PERTAMA RENJER HILANG KEDUA-DUA BELAH KAKINYA KERANA TERKENA JERANGKAP SAMAR KETIKA MENYERTAI OPERASI BERSAMA MALAYSIA-THAI MENENTANG PENGGANAS KOMUNIS DALAM 1979 DI KAWASAN SEMPADAN DALAM DAERAH BETONG.

SELEPAS DIMINTA OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR UNTUK MENGAMBIL TEMPATNYA, KPL. SIRAT, YANG KINI BERKHIDMAT DI HOSPITAL TENTERA KINRARA, BANGKIT DARIPADA KERUSI RODANYA DENGAN BANTUAN KAKI PALSUNYA UNTUK MELAKUKAN UPACARA ITU.

TERDAHULU, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG TIBA DI TEMPAT ITU DENGAN KERETA PROTON SAGA WARNA BIRU METALIK YANG DIPANDUNYA SENDIRI, TELAH MELAKUKAN UPACARA MENGIBAR BENDERA BAGI ACARA UNTUK ORANG-ORANG KENAMAAN (VIP). -- LAGI

1457MST 08 09 85

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERTANDINGAN LUMBA JALANKAKI SEJAUH 8 KM HARI INI DIADAKAN SEMPENA HARI ANGKATAN TENTERA PADA 16 SEPT. SERAMAI KIRA-KIRA 4,000 ORANG MENGAMBIL BAHAGIAN.

PREBET MOHD. NOR HAJI AHMAD MEMENANGI ACARA BAHAGIAN LELAKI DAN PRANITA WANIDAH IDRIS MENJADI JUARA BAHAGIAN WANITA.

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA, JEN. TAN SRI MOHAMED GHAZALI MOHAMED SETH DAN PANGLIMA TENTERA DARAT, JEN. DATUK GHAZALI CHE MAT MASING-MASING MEMENANGI TEMPAT PERTAMA DAN KEDUA DALAM ACARA VIP.

KPL. SIRAT JUGA DIHADIAHKAN CENDERAMATA KERANA MERASMIKAN ACARA PADA HARI INI. -- BERNAMA

1502MST 08 09 85